Tahun Keahlian - bermaksud tempoh berterusan selama 12 bulan yang bermula sama ada pada Tarikh Permulaan atau sebarang Tarikh Pembaharuan tetapi tidak termasuk apa-apa tempoh selepas pembatalan Keahlian selaras dengan Seksyen B3 di dalam Terma dan Syarat ini.

Tanpa Kad ('Card Not Present') - bermaksud jika Kad tidak berada di hadapan peruncit secara fizikal pada masa transaksi dilaksanakan, misalnya transaksi yang dibuat melalui internet, pesanan pos, pesanan telefon atau 'point of sale'. Tarikh Pembaharuan - bermaksud tarikh yang jatuh pada ulang tahun tahunan Tarikh Permulaan, atau tarikh yang jatuh pada ulang tahun tahunan Tarikh Pembaharuan sebaik sahaja sebelumnya, yang mana berkenaan.

Tarikh Permulaan - bermaksud tarikh apabila Keahlian bermula.

Tempoh Keahlian - bermaksud tempoh Keahlian yang bermula pada Tarikh Permulaan dan berakhir pada pembatalan Keahlian selaras dengan Seksyen B3 di dalam Terma dan Syarat ini.

Terma dan Syarat - bermaksud Terma dan Syarat yang mengawal Keahlian yang dibentangkan di dalam ini, seperti yang dipinda dari semasa ke semasa selaras dengan Seksyen B2.5.

Tuntutan - bermaksud permintaan untuk sebarang keistimewaan keahlian oleh Ahli di bawah Keahlian ini apabila Kehilangan Kad.

Yuran Keahlian - bermaksud jumlah penuh yang perlu dibayar oleh Ahli Utama kepada CPP untuk Keahlian.

A: Keistimewaan Keahlian

Tertakluk kepada Terma dan Syarat, Kami akan menyediakan keistimewaan keahlian berikut kepada Anda:

A1. Perkhidmatan dan bantuan yang Kami akan sediakan jika Anda Kehilangan Kad dan/atau Dokumen Berharga Anda:

- A1.1 apabila Anda melaporkan Kehilangan Kad kepada Kami, Kami akan menghubungi Pengeluar dan meminta mereka membatalkan/menggantung Kad tersebut;
- A1.2 jika mana-mana Kad dan/atau Dokumen Berharga Anda yang bersama dengan Anda telah hilang atau dicuri semasa Anda berjauhan dari Kediaman, Kami akan membantu Anda mengatur Kad gantian kecemasan.
- A1.3 apabila Anda memberikan maklumat yang diperlukan kepada Kami, Kami akan mengemaskinikan butir-butir Anda untuk memastikan bahawa Kehilangan Kad dilaporkan kepada Pengeluar yang betul.

Sila ambil maklum bahawa dalam keadaan tertentu yang diuraikan dengan lebih lengkap dalam terma dan syarat Pengeluar, Pengeluar boleh meminta pelbagai dokumen dikemukakan sebelum Kad boleh dibatalkan. Dalam keadaan tersebut, Kami akan meminta Pengeluar menggantung Kad daripada digunakan sementara menunggu Pengeluar menerima dokumen yang diminta daripada Anda DENGAN SYARAT BAHAWA jika Anda tidak memberikan dokumen yang diminta kepada Pengeluar, Kami berhak mendapatkan balik daripada Anda sebarang manfaat yang telah Anda terima di bawah Terma dan Syarat ini.

A2. Bantuan jika Anda mengalami Kehilangan Kad semasa perjalanan di dalam Malaysia

Bergantung kepada keperluan Anda dan tertakluk kepada peruntukan dalam Seksyen A.4 di bawah, Kami akan membantu Anda jika Anda mengalami Kehilangan Kad semasa perjalanan di dalam Malaysia dengan menyediakan perkhidmatan berikut kepada Anda:

- A2.1 membayar bil hotel Anda terus kepada hotel dengan mendahulukan jumlah sehingga RM600, pada kadar yang tidak melebihi RM300 sehari;

A2.2 mendahulukan wang kecemasan sehingga RM500 (pada nilai maksimum yang tidak melebihi RM100 sehari) untuk melegakan keperluan kewangan kecemasan Anda; dan/atau

A2.3 mendahulukan jumlah sehingga RM500 untuk menggantikan tiket perjalanan Anda untuk membantu Anda pulang ke destinasi perjalanan yang terdekat dengan Kediaman Anda.

A3. Bantuan jika Anda mengalami Kehilangan Kad semasa perjalanan di Luar Negeri

Bergantung kepada keperluan Anda dan tertakluk kepada peruntukan dalam Seksyen A.4 di bawah, Kami akan membantu Anda jika Anda mengalami Kehilangan Kad semasa Anda di Luar Negeri dengan menyediakan perkhidmatan berikut kepada Anda:

A3.1 membayar bil hotel Anda terus kepada hotel dengan mendahulukan jumlah sehingga RM2,000, pada kadar yang tidak melebihi RM500 sehari;

A3.2 mendahulukan wang kecemasan sehingga RM1,500 (pada nilai maksimum yang tidak melebihi RM300 sehari) untuk meringankan keperluan kewangan kecemasan Anda; dan/atau

A3.3 mendahulukan jumlah sehingga RM10,000 untuk menggantikan tiket perjalanan Anda untuk membantu Anda pulang ke destinasi perjalanan yang terdekat dengan Kediaman Anda.

A4. Syarat-syarat yang dikenakan terhadap Seksyen A2 & A3

Untuk layak menerima manfaat yang dinyatakan di Seksyen A2 & A3, Anda mestilah telah mematuhi syarat-syarat berikut:

A4.1 anda mestilah melaporkan Kehilangan Kad kepada Kami dalam masa 24 jam setelah menyedari Kehilangan Kad;

A4.2 berhubung dengan Seksyen A2.1 & A.3.1, Kami berpuas hati bahawa Anda tidak mempunyai sebarang cara lain untuk membayar bil hotel dan Anda telah meminta Kami membayar bil hotel ketika melaporkan Kehilangan Kad;

A4.3 berhubung dengan Seksyen A2.2 & A.3.2, Anda meminta pendahuluan wang tunai kecemasan ketika melaporkan Kehilangan Kad yang berkenaan dan Kami berpuas hati bahawa Anda tiada cara lain untuk mendapatkan kredit atau dana; dan

A4.4 berhubung dengan Seksyen A2.3 & A.3.3, tiket perjalanan Anda telah hilang atau dicuri sewaktu Kehilangan Kad dan Anda telah meminta wang pendahuluan untuk menggantikan tiket perjalanan ketika Anda melaporkan Kehilangan Kad Anda yang berkenaan.

Dalam semua keadaan apabila wang pendahuluan telah diberi,

- i. anda mesti membayar balik jumlah yang didahulukan dengan sepenuhnya dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari dari tarikh wang pendahuluan diberikan;
- ii. anda mesti memberikan kepada Kami bukti keperluan Anda yang memuaskan hati Kami;
- iii. anda mesti memberikan kepada Kami peluang yang munasabah untuk menilai keadaan kes Anda; dan
- iv. anda tidak mempunyai apa-apa wang pendahuluan daripada Kami yang belum dijelaskan selain daripada yang terdapat dalam laporan Kehilangan Kad yang sama.

A5. F-Secure

F-Secure Internet Security (untuk komputer Ahli Utama (komputer meja atau komputer riba))

A5.1 Ahli Utama akan ditawarkan penyelesaian keselamatan internet yang menyeluruh untuk komputer mereka yang dikendalikan dan dimiliki oleh F-Secure, pembekal/penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang akan menyediakan manfaat yang dibentangkan dalam Seksyen A5.2. Kunci F-Secure Internet Security akan diberikan di dalam Pek Alu-aluan.

A5.2 F-Secure Internet Security melindungi kandungan digital dengan perlindungan masa nyata terhadap perisian hasad ('malware'), penggodam, pencuri identiti dan laman web yang

memudaratkan dan tidak wajar. Transaksi perbankan dalam talian lebih selamat dengan Perlindungan Perbankan F-Secure. Ciri-ciri F-Secure Internet Security termasuk:

- i. perlindungan terhadap virus, perisian intip dan perisian hasad lain;
- ii. sentiasa dikemaskinikan tanpa mengganggu kelajuan peranti anda;
- iii. menghentikan gangguan atau pencurian identiti pada peranti anda;
- iv. mudah dipasang dan senang digunakan;
- v. sokongan pelanggan disediakan melalui perbualan dalam talian dan melalui telefon;
- vi. pelayaran dan pembelian tanpa risau dengan Browsing Protection;
- vii. kehidupan dalam talian yang selamat untuk anak-anak anda dengan Parental Control;
- viii. perlindungan masa nyata berasaskan cloud terhadap semua ancaman dalam talian;
- ix. perbankan dalam talian berasaskan sesi yang selamat dengan Banking Protection;
- x. perlindungan privasi di Facebook dengan Safe Profile; dan
- xi. perlindungan eksploitasi yang menyeluruh dengan DeepGuard 5.

A5.3 Terma dan syarat khusus berikut dikenakan terhadap penggunaan F-Secure Internet Security:

- i. apabila anda memuat turun F-Secure Internet Security anda dikehendaki bersetuju untuk terikat oleh terma-terma lesen F-Secure yang membentangkan terma dan syarat yang dikenakan terhadap penggunaan F-Secure Internet Security oleh anda, dan dasar privasi F-Secure;
- ii. platform yang disokong adalah Windows 8.1 dan 8 (tablet berasaskan ARM tidak disokong), Windows 7 (semua edisi), Windows Vista (Service Pack 2 atau yang lebih baru) dan Windows XP (32-bit, Service Pack 3 atau yang lebih baru);
- iii. komputer (Komputer Meja / Komputer Riba) hendaklah mempunyai pemproses Intel Pentium 4 atau lebih tinggi dan dilengkapi dengan sekurang-kurangnya 1GB RAM;
- iv. aplikasi F-Secure Internet Security hendaklah dimuat turun pada komputer Ahli Utama dan maklumat yang dikehendaki untuk memasang dan menggunakan aplikasi F-Secure di komputer hendaklah diberikan;
- v. F-Secure Internet Security disediakan oleh F-Secure dan F-Secure boleh menurut budi bicaranya, menambah, memodifikasi atau memadamkan ciri-ciri produk dalam Tempoh Keahlian dan Kami tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadapnya dalam apa cara jua; dan
- vi. F-Secure Internet Security adalah harta F-Secure dan F-Secure akan terus bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan secara keseluruhannya untuk sebarang perkhidmatan / tuntutan yang berbangkit daripada penggunaan F-Secure Internet Security.

F-Secure SAFE (untuk Telefon Mudah Alih atau Tablet Ahli Utama)

A5.4 Ahli Utama akan ditawarkan penyelesaian keselamatan internet yang menyeluruh untuk Peralatan mereka yang dikendalikan dan dimiliki oleh F-Secure, pembekal/penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang akan menyediakan manfaat yang dibentangkan dalam Seksyen A5.5 hingga A5.8. Kunci F-Secure SAFE akan diberikan di dalam Pek Alu-aluan.

A5.5 F-Secure SAFE menyediakan ciri-ciri berikut yang memastikan keselamatan data dalam Peralatan:

- i. kunci jarak jauh – membolehkan Peralatan yang dicuri dikunci dari jarak jauh melalui laman web yang selamat untuk menghalang orang yang tidak dikenali daripada mengakses maklumat peribadi;
- ii. pemadaman jarak jauh – membolehkan maklumat dalam Peralatan dipadamkan, untuk menghalang maklumat daripada digunakan bagi tujuan penipuan; dan
- iii. sandaran dan pemulihan butir-butir hubungan – membolehkan butir-butir hubungan disimpan daripada Peralatan supaya dapat dipulihkan bila dan apabila dikehendaki.

A5.6 Melindungi Telefon: F-Secure menyediakan ciri-ciri berikut yang melindungi Peralatan:

- i. penyekat panggilan dan teks – membolehkan panggilan dan pesanan teks disekat daripada nombor telefon tertentu; dan
- ii. kunci Kad SIM – dengan serta-merta mengunci telefon jika Kad SIM dikeluarkan, dengan itu menghalang Peralatan digunakan dengan Kad SIM yang lain.

- A5.7 Menjejak dan Mendapatkan Kembali: F-Secure menyediakan ciri-ciri berikut yang membantu menjejak dan mendapatkan kembali Peralatan yang hilang / dicuri:
- i. pencarian jarak jauh – menunjukkan di mana lokasi Peralatan di atas peta;
 - ii. penggera jeritan – membolehkan penggera jeritan diaktifkan untuk mencari Peralatan;
 - iii. notis kehilangan – memaparkan pesanan yang boleh disesuaikan kepada sesiapa yang menjumpai Peralatan, dengan itu membantu proses mendapatkan balik Peralatan; dan
 - iv. 'Sneak Peek' – membolehkan 'webcam' bina dalam mengambil gambar sesiapa yang menggunakan Peralatan.
- A5.8 Perlindungan Ancaman: F-Secure menyediakan ciri-ciri berikut yang melindungi Peralatan daripada ancaman:
- i. perlindungan Virus dan Perisian Hasad – mengesan dan mengeluarkan virus dan ancaman berasaskan internet yang lain tanpa menjejaskan prestasi Peralatan;
 - ii. perlindungan muat turun – mengimbas aplikasi dan pengemaskinian aplikasi secara automatik untuk mengesan ancaman dan mengeluarkannya; dan
 - iii. imbas Kad SD Automatik – membolehkan kad SD diimbas secara automatik untuk mengesan ancaman sebelum dipasang dalam Peralatan.
- A5.9 Terma dan syarat khusus berikut dikenakan terhadap F-Secure SAFE:
- i. apabila anda memuat turun F-Secure SAFE anda dikehendaki bersetuju untuk terikat oleh terma-terma lesen F-Secure yang membentangkan terma dan syarat yang dikenakan terhadap penggunaan FSecure SAFE oleh anda, dan dasar privasi F-Secure;
 - ii. platform yang disokong untuk telefon mudah alih/tablet adalah Android 4.0 atau kemudiannya, iOS 8 atau kemudiannya & Windows Phone 8;
 - iii. aplikasi F-Secure SAFE hendaklah dimuat turun pada Peralatan Ahli Utama dan maklumat yang dikehendaki untuk memasang dan menggunakan aplikasi F-Secure di Peralatan hendaklah diberikan;
 - iv. F-Secure SAFE disediakan oleh F-Secure dan F-Secure boleh menurut budi bicaranya, menambah, memodifikasi atau memadamkan ciri-ciri produk dalam Tempoh Keahlian dan Kami tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadapnya dalam apajua cara; dan
 - v. F-Secure SAFE adalah hak milik F-Secure dan F-Secure akan terus bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan secara keseluruhannya untuk sebarang perkhidmatan / tuntutan yang berbangkit daripada penggunaan F-Secure SAFE.

A6. Manfaat Tambahan Keahlian

Jika berlaku Kehilangan Kad dan tertakluk kepada Seksyen A7 di bawah, Ahli berhak menerima manfaat tambahan Keahlian berikut, yang ditaja jamin oleh Penanggung Insurans dan diatur oleh Kami di bawah Keahlian di bawah polisi kumpulan antara Kami dan Penanggung Insurans di mana setiap Ahli adalah benefisiarinya.

A6.1 Penggunaan Tanpa Kebenaran / Pencurian Data Kad Kredit ('Skimming') / Pemalsuan / 'Phishing' / 'Tele-Phishing'

Kami akan membayar balik kepada Anda jumlah yang ditanggung daripada penggunaan tanpa kebenaran berbangkit daripada Kehilangan Kad yang Pengeluar Anda mempertanggungjawabkan Anda untuk membayarnya, tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM400 setiap Kad (tidak lebih daripada 10 Kad) dan sehingga had sebanyak RM4,000 setiap Tahun Keahlian.

A6.2 Penggunaan Tanpa Kebenaran Terhadap Transaksi Tanpa Kad Untuk Transaksi Dalam Talian/Pesanan Telefon /Pesanan Pos / E- Wallet Mudah Alih

Kami akan membayar balik kepada Anda jumlah yang ditanggung daripada sebarang transaksi Tanpa Kad secara penipuan. Anda akan dibayar sehingga RM 750 setiap transaksi Tanpa Kad secara penipuan dan sehingga had sebanyak RM 1,500 setiap Tahun Keahlian untuk semua Tuntutan yang dibuat oleh Anda untuk sebarang transaksi Tanpa Kad secara penipuan yang dibuat menggunakan Kad anda dan Anda mengalami kerugian kewangan akibat daripadanya.

Manfaat ini dalam Seksyen A6.2 tidak termasuk:

- i. sebarang kad ATM;

- ii. sebarang transaksi yang dibuat menggunakan perkhidmatan 'Verified by VISA' atau 'MasterCard Secure Code';
- iii. sebarang transaksi pendahuluan tunai yang dibuat; dan
- iv. sebarang transaksi yang menggunakan nombor pengenalan peribadi ("PIN") dan/atau kata laluan.

A6.3 Penggunaan PIN Tanpa Kebenaran

Sehingga RM125 setiap Kad, terhad kepada RM250 setiap Ahli untuk mana-mana satu Tahun Keahlian, yang Pengeluar Anda mempertanggungjawabkan Anda membayarnya, jika PIN Anda untuk Kad tersebut digunakan tanpa kebenaran Anda.

A6.4 Penggunaan Kad Yang Ditahan Di dalam ATM Tanpa Kebenaran

Sehingga RM125 setiap Kad, terhad kepada RM250 setiap Ahli untuk mana-mana satu Tahun Keahlian, yang Pengeluar Anda mempertanggungjawabkan Anda membayarnya, jika Kad Anda ditahan oleh mesin juruwang automatik ("ATM") dan Kad tersebut selepas itu digunakan tanpa kebenaran Anda.

A6.5 Kos Penggantian Kad

Sehingga RM50 untuk setiap Kad yang Pengeluar Anda mempertanggungjawabkan Anda membayarnya, untuk Kad gantian (tetapi bukan Kad gantian kecemasan).

A6.6 Kos Komunikasi

Tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Seksyen A6.10, sebarang Kos Komunikasi yang perlu Anda bayar apabila Anda melaporkan Kehilangan Kad atau kehilangan/kecurian Dokumen Berharga kepada Kami, polis atau mana-mana pihak berkuasa lain yang berkenaan.

A6.7 Kos Penggantian Dokumen Berharga

Tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Seksyen A6.10, sebarang caj munasabah yang perlu Anda bayar untuk pengeluaran gantian bagi Dokumen Berharga yang hilang atau dicuri daripada Anda pada masa yang sama dengan Kehilangan Kad sewaktu Anda tidak berada di Kediaman;

A6.8 Kos Penggantian Kad Simpanan Nilai

Sehingga RM60, untuk setiap kad bagi sebarang kerugian yang Anda alami berbangkit daripada kehilangan/kecurian Kad Simpanan Nilai yang hilang atau dicuri semasa Kehilangan Kad; dan

A6.9 Barang Peribadi

Kos untuk menggantikan Barang Peribadi Anda yang hilang atau dicuri pada masa Kehilangan Kad sewaktu Anda tidak berada di Kediaman sehingga RM500 untuk mana-mana satu Tahun Keahlian.

A6.10 Manfaat dalam Seksyen A6.5, A6.6, A6.7, dan A6.8 di atas adalah terhad kepada RM1,000 setiap Ahli untuk mana-mana satu Tahun Keahlian dan manfaat dalam Seksyen A6.1 tidak akan dibayar jika manfaat dalam A6.2, A6.3 atau A6.4 perlu dibayar.

A7. Syarat-syarat yang dikenakan terhadap A6

Penanggung Insurans tidak akan membayar sebarang jumlah di bawah Seksyen A6, kecuali:

- A7.1 Anda telah melaporkan Kehilangan Kad, kehilangan/kecurian Dokumen Berharga dan/atau kehilangan/kecurian Barang Peribadi kepada pihak polis tempatan dalam masa 24 jam setelah Anda menyedari tentang kehilangan/kecurian itu;
- A7.2 Anda mempunyai bukti bertulis daripada pihak polis bahawa laporan yang dirujuk dalam Seksyen A7.1 di atas telah dibuat (jika tiada bukti ini, Kami dan Penanggung Insurans hendaklah berpuas hati bahawa Anda telah melaporkan perkara tersebut kepada polis tempatan);
- A7.3 Anda telah memberikan kepada Kami dan Penanggung Insurans resit-resit asal yang berkenaan dan dokumen sokongan lain untuk tuntutan di bawah Seksyen A6;
- A7.4 Anda tidak mengambil tindakan yang mempunyai ciri-ciri penipuan dan/atau dengan kecuaiian yang melampau;
- A7.5 Anda telah memaklumkan Kami dalam masa 24 jam selepas Anda mengetahui tentang:

- i. kehilangan Kad, dengan syarat bahawa anda juga berhak membuat tuntutan di bawah Seksyen A6 jika anda telah memaklumkan Pengeluar Kad Anda secara terus dalam masa 24 jam selepas Anda mengetahui tentang Kehilangan Kad. Sila ambil maklum bahawa jika anda membatalkan Kad-kad Anda secara terus dengan Pengeluar Kad Anda, Kami mungkin memerlukan bukti mengenai komunikasi ini sebelum kami menerima tuntutan di bawah Seksyen A6; atau
- ii. orang lain mendapat tahu tentang PIN Anda;
- iii. sebarang transaksi Tanpa Kad secara penipuan.

A7.6 Anda telah melaksanakan langkah-langkah pelindung untuk keselamatan PIN dan Kad seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat penggunaan yang dikeluarkan oleh Pengeluar; dan/atau

A7.7 Anda memberikan kepada Kami dan Penanggung Insurans sebarang kebenaran yang dikehendaki oleh Pengeluar supaya Pengeluar dapat memberikan kepada Kami dan Penanggung Insurans salinan surat-menyurat mengenai Kehilangan Kad dan sebarang kerugian yang telah dialami sama ada oleh Anda atau Pengeluar akibat daripadanya, seperti yang Kami dan Penanggung Insurans anggap wajar, menurut budi bicara mutlak Kami.

B: Peruntukan Am

B1. Keahlian

Dengan syarat Anda berumur lapan belas (18) tahun atau ke atas dan menetap di Malaysia, Anda boleh memohon Keahlian sebagai Ahli Utama ('Pelan Tunggal') dan memohon bagi pihak sehingga empat (4) orang yang tinggal di Kediaman sebagai Ahli Tambahan ('Pelan Isi Rumah').

Semua permohonan untuk dan pembaharuan Keahlian adalah tertakluk kepada kelulusan Kami. Keahlian adalah sah untuk tempoh permulaan selama satu (1) tahun dan boleh dibaharui untuk sebarang tempoh yang Kami luluskan menurut budi bicara Kami. Kami berhak menolak sebarang permohonan untuk Keahlian atau tidak membaharui Keahlian mana-mana Ahli tanpa memberikan sebarang sebab.

Ahli Utama bertanggungjawab untuk membayar Yuran Keahlian dan kebenaran Ahli Utama diperlukan untuk membatalkan Keahlian mana-mana Ahli Tambahan. Dengan memohon Keahlian, Ahli Utama bersetuju untuk bertanggungjawab kepada Kami bagi sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Ahli Utama dan semua Ahli Tambahan, jika ada, yang berbangkit daripada Keahlian.

Sebarang representasi palsu atau kegagalan oleh anda untuk mendedahkan fakta-fakta penting akan memberikan hak kepada Kami untuk mengubah, meminda, membatalkan Keahlian atau melaksanakan sebarang hak lain yang tersedia kepada Kami di sisi undang-undang dengan mengambil kira fakta. Fakta penting adalah sebarang maklumat yang mungkin mempengaruhi Kami semasa Kami menilai permohonan Anda untuk Keahlian atau Tuntutan.

B2. Tempoh Keahlian, Yuran Keahlian, Terma dan Syarat

B2.1. Apabila Yuran Keahlian dibayar dengan sepenuhnya, Keahlian akan bermula pada Tarikh Permulaan dan berterusan untuk tempoh sehingga Tarikh Pembaharuan. Keahlian akan dibaharu secara automatik pada Tarikh Pembaharuan dan Kad Bayaran akan didebit kecuali Anda meminta Kami untuk tidak berbuat demikian sebelum Tarikh Pembaharuan. Surat yang memaklumkan tentang pembaharuan Keahlian akan dihantar ke Kediaman Ahli Utama dalam masa 4 hingga 6 minggu sebelum Tarikh Pembaharuan.

B2.2. Kami berhak mengubah Yuran Keahlian tetapi akan memberi notis yang munasabah terlebih dahulu kepada Anda. Yuran Keahlian yang telah diubah akan dikenakan untuk jangka waktu bermula dari Tarikh Pembaharuan akan datang.

B2.3. Anda mesti membayar Yuran Keahlian terlebih dahulu.

B2.4. Kami akan memungut Yuran Keahlian daripada Kad Bayaran.

- B2.5. Kami berhak memodifikasi, mengubah atau menambah Terma dan Syarat pada bila-bila masa, tertakluk kepada kebenaran anda. Notis munasabah tentang perkara ini akan diberikan terlebih dahulu.
- B2.6. Apabila Anda memohon Keahlian, satu pembayaran akan dipungut terlebih dahulu dan Anda bersetuju untuk memasuki dua (2) kontrak dengan Kami. Di bawah kontrak pertama, CPP akan membuat aturan untuk mewujudkan Keahlian ini dan Anda dikehendaki membayar RM139.62 untuk Pelan Tunggal atau RM177.36 untuk Pelan Isi Rumah kepada CPP. Kontrak pertama dipenuhi pada penghujung tempoh bertenang bagi Tahun Keahlian bermula pada Tarikh Permulaan dan setelah dibaharui untuk Tahun Keahlian berikutnya. Di bawah kontrak kedua, Kami akan memberikan kepada Anda semua keistimewaan keahlian dan CPP akan menerima jumlah yang bersamaan dengan perbezaan antara Yuran Keahlian dan jumlah yang telah Anda bayar di bawah kontrak pertama. Kontrak dipenuhi pada akhir Tempoh Keahlian Anda.
- B2.7. Kecuali dinyatakan sebaliknya di bahagian lain dalam Terma dan Syarat ini, anda semata-mata bertanggungjawab membayar apa-apa cukai, caj, levi, duti atau yuran yang berkenaan yang mungkin dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan Malaysia yang berbangkit daripada keistimewaan keahlian yang diberikan di dalam ini.

B3. Pembatalan Keahlian

- B3.1. Kami berhak membatalkan Keahlian Anda tanpa notis sekiranya Kami tidak menerima Yuran Keahlian pada tarikh Yuran Keahlian perlu dibayar. Walau bagaimanapun, Kami boleh mengembalikan semula Keahlian Anda sekiranya Anda membuat bayaran Yuran Keahlian selepas itu dan Kami boleh mengeluarkan Keahlian baru untuk Anda yang akan berkuat kuasa dari tarikh pembayaran.
- B3.2. Kami berhak membatalkan Keahlian Anda tanpa notis jika Anda pada bila-bila masa gagal untuk bertindak dengan jujur dan dengan niat baik dalam urusan Anda dengan Kami.
- B3.3. Jika Kami mengeluarkan Keahlian kepada Anda untuk kali pertama, Kami akan memberikan tempoh bertenang selama 14 hari dari Tarikh Permulaan kepada anda. Jika dalam tempoh 14 hari tersebut Anda memaklumkan Kami bahawa Anda tidak memerlukan Keahlian, Kami akan membatalkannya dan keseluruhan Yuran Keahlian yang telah Anda bayar akan dikembalikan selagi tiada tuntutan dibuat di bawah Keahlian. Yuran Keahlian tidak akan dikembalikan jika terdapat sebarang tuntutan atau pendahuluan yang belum dijelaskan di bawah Keahlian. Sila ambil maklum bahawa Anda dianggap telah menerima Keahlian dalam masa 3 hari selepas Kami menghantar Pek Alu-aluan. Tempoh bertenang tidak dikenakan bagi pembaharuan Keahlian.
- B3.4. Apabila Keahlian dibatalkan, Anda tidak akan layak untuk menikmati keistimewaan keahlian.
- B3.5. Kami akan menghantar Notis Pembaharuan kepada Anda 4 hingga 6 minggu sebelum Tarikh Pembaharuan, dan Anda boleh memilih untuk tidak membaharui Keahlian.

B4. Syarat bagi Penyediaan Keistimewaan Keahlian

Penyediaan keistimewaan keahlian oleh Kami bergantung kepada perkara berikut:

- B4.1. Anda telah mematuhi Terma dan Syarat (yang mungkin dipinda oleh Kami dari semasa ke semasa selaras dengan Seksyen B2.5) pada semua masa dalam Tempoh Keahlian;
- B4.2. Anda telah memberikan maklumat yang lengkap dan tepat kepada Kami tanpa sebarang ketinggalan yang penting dalam apa-apa hal berkaitan dengan Keahlian;
- B4.3. Anda telah melakukan segala yang munasabah untuk mengelakkan Kehilangan Kad, dan jika berlaku Kehilangan Kad, anda akan memastikan kerugian yang ditanggung adalah pada tahap minimum.

B5. Pengecualian

- B5.1. Semua usaha yang munasabah akan dilakukan untuk memberikan dana kecemasan kepada Anda dalam Seksyen A2 dan A3 selaras dengan Terma dan Syarat. Namun, mungkin terdapat situasi apabila pemindahan dana ke sesetengah negara atau lokasi yang terpencil tidak mungkin dapat diatur akibat peristiwa atau keadaan di luar kawalan Kami, maka Kami tidak akan bertanggungjawab terhadapnya.
- B5.2. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk kerugian yang disebabkan oleh sebarang bencana alam, perang saudara, tindakan pengganas atau sebarang kejadian seumpamanya. Jika kejadian sedemikian menjejaskan keupayaan Kami untuk melaksanakan kewajipan Kami di bawah Terma dan Syarat, keistimewaan keahlian yang Kami sediakan mungkin akan terhad atau terbatas.

B6. Membuat Tuntutan

- B6.1. Jika Anda ingin melaporkan Kehilangan Kad atau membuat Tuntutan, Anda boleh menelefon Kami pada bila-bila masa di 1 800 888 277 dan Kami akan menghantar Borang Tuntutan kepada Anda. Semua maklumat yang dikehendaki di bawah Borang Tuntutan hendaklah diisi dan dikembalikan kepada Kami. Semua Tuntutan mesti diterima dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh Kehilangan Kad. Jangan lupa untuk menyertakan semua dokumen yang diminta oleh Penanggung Insurans dan Kami dalam Borang Tuntutan termasuk resit asal (bukan salinan fotostat) bagi sebarang perbelanjaan yang berkaitan. Jika Anda gagal berbuat demikian, Penanggung Insurans mungkin tidak dapat memproses Tuntutan tersebut.
- B6.2. Anda perlu mematuhi arahan Pengeluar dan memenuhi Terma dan Syarat mereka pada semua masa. Kami dan Penanggung Insurans tidak akan memproses sebarang Tuntutan sekiranya Pengeluar memaklumkan Kami atau Penanggung Insurans bahawa Anda gagal berbuat demikian. Keputusan Pengeluar dalam keadaan ini adalah muktamad.
- B6.3. Jika Anda tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Penanggung Insurans berkenaan dengan Tuntutan, Anda berhak membuat rayuan. Jika Anda ingin membuat rayuan, Anda boleh menulis surat kepada:

The Customer Service Team, CPP Malaysia Sdn. Bhd., P.O. Box 10172, GPO Kuala Lumpur, 50706 WPKL

B7. Tuntutan Tidak Jujur

Jika Anda membuat Tuntutan yang, menurut pendapat Kami dan/atau Penanggung Insurans, adalah tidak jujur dalam apa cara sekalipun, Kami berhak untuk tidak menyediakan sebarang atau semua keistimewaan keahlian. Jika Penanggung Insurans telah membuat pembayaran kepada Anda selaras dengan Tuntutan tetapi kemudiannya mendapati bahawa Tuntutan tersebut adalah tidak jujur, Anda hendaklah dengan segera memulangkan kepada Penanggung Insurans sebarang wang yang telah Anda terima selaras dengan Tuntutan tersebut. Penanggung Insurans dan Kami merizab hak undang-undang Kami berkenaan dengan Tuntutan sedemikian termasuk tetapi tidak terhad kepada penamatan Keahlian Anda tanpa notis.

B8. Perkhidmatan Bantuan atau Insurans Lain

Jika terdapat sebarang insurans lain yang melindungi apa-apa manfaat yang dibentangkan dalam Keahlian ini, Anda hendaklah memaklumkan perkara ini apabila Tuntutan dibuat. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Tuntutan Anda ditolak dan / atau Tuntutan anda mungkin ditafsirkan sebagai Tuntutan tidak jujur di bawah Seksyen B7. Anda tidak berhak mendapatkan lebih daripada bahagian yang berkadaran bagi sebarang Tuntutan yang dilindungi oleh insurans lain.

B9. Merakamkan Panggilan

Kami merakamkan semua panggilan telefon. Tujuan Kami berbuat demikian adalah untuk:

- i. menyediakan satu rekod tentang arahan daripada Anda;
- ii. membolehkan Kami memantau tahap kualiti Kami;
- iii. membantu Kami melatih kakitangan; dan
- iv. memenuhi apa-apa keperluan undang-undang dan pengawalseliaan yang dikenakan ke atas Kami.

C: Perkara Am

C1. Penyata Pengumpulan Maklumat Peribadi

- C1.1. Sebagai sebahagian daripada perhubungan Kami dengan Anda, Anda akan dan bersetuju untuk memberikan kepada Kami data tentang Anda dan/atau mana-mana individu yang berkaitan (termasuk Ahli Tambahan) seperti nama penuh, alamat, kad pengenalan, nombor hubungan (telefon mudah alih dan telefon rumah), maklumat pembayaran dan butir-butir Kad, dan maklumat yang diperolehi daripada rakaman panggilan telefon ("Data Peribadi") berhubung dengan penyediaan Keistimewaan Keahlian dengan berkesan kepada Anda, pemprosesan Laporan Kehilangan dan/atau pemprosesan sebarang pertanyaan atau aduan daripada Anda.
- C1.2. Meskipun penyediaan Data Peribadi kepada Kami oleh Anda adalah secara sukarela, kegagalan Anda berbuat demikian mungkin menyebabkan Kami tidak dapat memproses permohonan Anda dan mentadbir Keahlian Anda secara berkesan.
- C1.3. Data Peribadi mungkin digunakan bagi tujuan berikut:
- i. memproses permohonan Anda untuk Keahlian dan pembaharuan;
 - ii. mentadbir perkara-perkara berkaitan dengan Keahlian dan tuntutan;
 - iii. menyediakan keistimewaan keahlian kepada Ahli dan mengatur penyediaan keistimewaan keahlian oleh syarikat kumpulan dan syarikat sekutu Kami dan pihak ketiga yang Kami pilih;
 - iv. merangka keistimewaan keahlian untuk Ahli;
 - v. memasarkan keistimewaan keahlian dan/atau produk dan perkhidmatan lain yang ditawarkan oleh Kami atau syarikat-syarikat lain yang Kami pilih yang mungkin menarik minat Anda;
 - vi. memungut Yuran Keahlian dan/atau jumlah lain yang terhutang oleh Anda;
 - vii. memproses (termasuk tetapi tidak terhad kepada menyiasat dan menganalisis) sebarang laporan Kehilangan Kad daripada Anda;
 - viii. menjalankan prosedur pepadanan;
 - ix. berhubung dengan Anda melalui telefon, surat-menyurat, e-mel, faks dan/atau apa-apa cara komunikasi yang lain;
 - x. mematuhi sebarang keperluan untuk membuat pendedahan di bawah sebarang undang-undang dan peraturan dan keperluan pengawalseliaan lain yang mengikat Kami dan mana-mana kumpulan syarikat dan syarikat sekutu Kami; dan
 - xi. semua tujuan-tujuan lain yang berkaitan dengan tujuan-tujuan di atas.
- C1.4. Data Peribadi yang Kami simpan akan dirahsiakan, tetapi dengan menjadi Ahli, Anda memberikan kebenaran kepada Kami untuk memberikan Data Peribadi tersebut kepada mana-mana pihak berikut (sama ada di dalam atau di luar Malaysia) untuk tujuan yang dinyatakan dalam seksyen ini tanpa terlebih dahulu memaklumkan Anda dan/atau manamana individu yang berkaitan dengan Data Peribadi tersebut:
- i. Penanggung Insurans yang menyediakan Manfaat Keahlian Tambahan di bawah Seksyen A4 Terma dan Syarat ini;
 - ii. Pengeluar;
 - iii. ejen, kontraktor, rakan niaga dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan pentadbiran, telekomunikasi, komputer, pembayaran, pemasaran dan/atau perkhidmatan lain kepada Kami berhubung dengan operasi perniagaan Kami;
 - iv. pejabat Kami di luar negeri, kumpulan syarikat dan syarikat sekutu Kami dan pihak ketiga yang Kami pilih;
 - v. orang-orang yang Kami dan/atau kumpulan syarikat dan syarikat sekutu Kami mempunyai kewajiban untuk membuat pendedahan di bawah sebarang undang-undang dan peraturan, serta keperluan pengawalseliaan lain yang berkaitan yang mengikat Kami dan mana-mana kumpulan syarikat dan syarikat sekutu Kami;
 - vi. jika berlaku keingkaran, agensi pungutan hutang; dan
 - vii. semasa menyediakan manfaat keahlian dan perkhidmatan lain kepada Anda, Kami mungkin berkongsi data Anda dengan organisasi lain di luar kumpulan syarikat Kami sama ada di Malaysia atau di tempat lain. Kami hanya akan melakukan sedemikian jika Kami

menganggap ini akan memanfaatkan Anda dan dengan menjadi Ahli, Anda memberikan kebenaran kepada Kami untuk berkongsi data Anda dalam cara sedemikian.

C1.5. Selaras dengan Penyata Pengumpulan Maklumat Peribadi dan tertakluk hanya kepada pembayaran yuran munasabah oleh Anda kepada Kami untuk permintaan Anda, Anda berhak untuk:

- i. menyemak sama ada Kami menyimpan data tentang Anda dan jika ada, untuk mendapatkan sesalinan data tersebut;
- ii. meminta Kami membetulkan sebarang data berkenaan Anda yang tidak tepat; dan
- iii. memastikan dasar dan amalan Kami berkaitan dengan data dan dimaklumkan tentang jenis data yang Kami simpan.
- iv. meminta agar Kami membataskan cara bagaimana kami memproses Data Peribadi anda.

Sila alamatkan sebarang permintaan sedemikian kepada Pengurus Pematuhan, CPP Malaysia Sdn. Bhd., P.O. Box10172, GPO Kuala Lumpur, 50706 WPKL, di 1800 888 277 atau melalui e-mel di services@cppasia.com.

C1.6. Kami mungkin meminta Anda memaklumkan Kami tentang perubahan pada butir-butir peribadi Anda dari semasa ke semasa untuk mengemaskinikan Keahlian Anda dengan Kami.

C2. Mengetepikan Terma dan Syarat

Kesabaran, kelewatan atau kegagalan Kami untuk melaksanakan sebarang kuasa atau hak di bawah Terma dan Syarat tidak akan mengetepikan kuasa atau hak tersebut. Pelaksanaan satu atau sebahagian daripada kuasa atau hak tidak menghalang pelaksanaan kuasa atau hak tersebut atau kuasa atau hak lain yang selanjutnya.

C3. Bahasa

Terma dan Syarat ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia dan jika terdapat percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

C4. Undang-undang yang Mengawal

Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia. Anda dan Kami bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.

JADUAL MANFAAT CARD PROTECTION SIGNATURE

| Ciri-ciri | |
|---|--|
| Pelaporan Kehilangan Kad dan Pendaftaran Kad | |
| Perisian Anti virus (FSecure) | |
| Perlindungan daripada Penipuan Kad Kredit (Pra-makluman) (transaksi tidak dibenarkan , 'Skimming' , 'Phishing') | Sehingga RM 4,000 (sehingga RM 400 setiap kad sehingga 10 kad) |
| Perlindungan Tanpa Kad ('Card Not Present') (transaksi dalam talian, pesanan telefon, pesanan pos dan Mobile E-Wallet) | Sehingga RM 1,500 (sehingga RM 750 setiap transaksi) |
| Penggunaan PIN tanpa kebenaran | Sehingga RM 250 (sehingga RM 125 setiap kad) |
| Penggunaan Kad yang Ditahan Di dalam ATM tanpa kebenaran | Sehingga RM 250 (sehingga RM 125 setiap kad) |
| Barangan Peribadi | Sehingga RM 500 |
| Kos penggantian kad, dokumen bernilai, kad simpanan nilai & kos komunikasi | Sehingga RM 1,000 |
| Perkhidmatan Bantuan Perjalanan Kecemasan Di dalam Malaysia | |
| Pendahuluan Wang Tunai Kecemasan | Sehingga RM 500 (Maksimum RM100/hari) |
| Pendahuluan Pembayaran Bil Hotel Kecemasan | Sehingga RM600 (Max RM300/hari) |
| Pendahuluan Penggantian Tiket Perjalanan Kecemasan | Sehingga RM 500 |
| Perkhidmatan Bantuan Perjalanan Kecemasan untuk Perjalanan Di luar Negeri | |
| Pendahuluan Wang Tunai Kecemasan | Sehingga RM 1,500 (Max RM300/hari) |
| Pendahuluan Pembayaran Bil Hotel Kecemasan | Sehingga RM2,000 (Max RM500/hari) |
| Pendahuluan Penggantian Tiket Perjalanan Kecemasan | Sehingga RM10,000 |

Imbuan bagi polisi induk yang diambil oleh CPP daripada Penanggung Insurans, termasuk premium yang perlu dibayar oleh CPP, adalah seperti berikut: Premium insurans adalah RM 9 setiap.Premium ini tertakluk kepada sebarang cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa.